



**SIARAN AKHBAR  
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN BILIK PAMERAN DAN PUSAT SERVIS PROTON  
e.MAS PANTAI BHARU AUTOHAUS ANGGUN RAWANG  
PADA 17 FEBRUARI 2025**

Kumpulan Syarikat Pantai Bharu, sebuah syarikat milik Bumiputera yang diasaskan oleh **Y.Bhg. Dato' Hj Shamshudin Nor** pada **25 September 1978**, terus memperkuuh kehadirannya dalam industri automotif dengan pembukaan **Bilik Pameran dan Pusat Servis Proton e.Mas Pantai Bharu Autohaus Anggun Rawang**. Berbekalkan pengalaman luas dalam pelbagai sektor termasuk automotif, servis, insurans, pembangunan harta tanah, dan pelancongan, langkah ini mencerminkan komitmen syarikat dalam menawarkan perkhidmatan automotif bertaraf tinggi kepada pelanggan.

Selain cawangan di **Jalan Kapar, Klang**, Rawang kini menjadi **cawangan kedua** dan juga **cawangan pertama yang menawarkan Proton e.MAS 7** di bawah **Kumpulan Pantai Bharu Autohaus**. Sebagai syarikat yang menyokong masa depan mobiliti hijau, **Pantai Bharu Autohaus** amat berbangga menjadi rakan strategik **PRO-NET** dalam menyediakan akses lebih luas kepada teknologi EV di Malaysia.

Pusat ini bukan sekadar ruang pameran, tetapi juga menjadi destinasi utama bagi mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut, merasai pengalaman pemanduan EV, serta menikmati perkhidmatan jualan dan selepas jualan yang komprehensif untuk **Proton e.MAS 7 di Pantai Bharu Autohaus Anggun Rawang**.

**PRO-NET**, yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan pengedaran kenderaan tenaga baharu bagi jenama Proton, telah melancarkan **Proton e.MAS 7** pada **16 Disember 2024**, dengan majlis perasmian disempurnakan oleh **YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia**.

Dalam masa yang sama, pelanggan juga boleh mendapatkan model-model lain di bawah jenama **Proton**, yang telah bertapak dalam industri automotif Malaysia sejak **1983**. **PRO-NET** membawa dimensi baharu dalam landskap automotif dengan teknologi elektrik yang lebih maju, selari dengan perkembangan industri global.

Bilik pameran ini direka dengan konsep moden dan interaktif, menawarkan pengalaman digital yang lebih imersif kepada pelanggan. Dengan kemudahan teknologi terkini dan suasana mesra pelanggan, **Pantai Bharu Autohaus** berhasrat menjadi hab utama bagi mereka yang ingin beralih kepada kenderaan elektrik dan menyokong masa depan mobiliti lestari.

Kami mengalu-alukan semua pelanggan untuk hadir dan menerokai sendiri keunikan **Proton e.MAS 7 di Pantai Bharu Autohaus Anggun Rawang**, serta merasai pengalaman baharu dalam dunia automotif bersama **PRO-NET** dan **Pantai Bharu Autohaus**.

#### TAMAT

Rujukan Maklumat :

Fairul Iskandar Faizil De Souza  
Jabatan Korporat, Media & Pelancongan  
Kumpulan Pantai Bharu  
Bangunan Pantai Bharu, Batu, 1, Jln Meru, 41050 Klang, Selangor Darul Ehsan

No Telefon : 012 2100805  
Email : [fairulisz@pantaibharu.com](mailto:fairulisz@pantaibharu.com) & fairulfaizil@gmail.com